

FATWA PENGHARAMAN PLASMA DARAH DALAM MAKANAN



Pengenalan

Fatwa ini dikeluarkan berdasarkan Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka. Fatwa ini telah diperkenankan untuk disiarkan dalam Warta bagi memberi panduan kepada umat Islam berkaitan penggunaan darah dan plasma darah dalam makanan dan minuman

APA ITU PLASMA DARAH ?

Plasma darah ialah komponen cecair dalam darah yang mengandungi pelbagai bahan seperti :

- Protein
- Enzim
- Nutrien



Dalam industri makanan, plasma darah kadangkala digunakan sebagai **bahan tambahan atau sumber protein** dalam produk tertentu.

KEPUTUSAN FATWA

Fatwa menetapkan bahawa:

Penggunaan darah mengalir dalam segala jenis makanan atau minuman adalah **HARAM** secara ijmak.

Selain itu,

Penggunaan plasma darah dalam **produk makanan dan minuman juga adalah HARAM.**



FATWA PENGHARAMAN PLASMA DARAH DALAM MAKANAN

SEBAB PENGHARAMAN

Pengharaman penggunaan plasma darah adalah berdasarkan beberapa hujah:

- 1** Tidak berlaku proses istihalah tammah (*perubahan menyeluruh yang mengubah bahan najis menjadi suci*).
- 2** Tiada keadaan darurat atau keperluan mendesak yang membolehkan penggunaannya.
- 3** Masih terdapat alternatif sumber protein yang halal yang boleh digunakan dalam industri makanan.



NASIHAH KEPADA PENGGUNA

Pengguna Muslim disarankan untuk :

Memastikan makanan mempunyai pensijilan halal

Membaca label bahan kandungan produk.

Mengelakkan produk yang mengandungi bahan berasaskan darah



Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.